

Headline **Aplikasi teknologi bangun produk usahawan**
Date **10 Jul 2011**
Media Title **Mingguan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **459,793 / 1,854,000**

Language **Malay**
Page No **13**
Article Size **585 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **13,105**
PRValue **39,315**



Program Teknousahawan MARA

Aplikasi teknologi bangun produk usahawan

Oleh **NORILA DAUD**

TERDAPAT ramai usahawan Bumiputera yang sememangnya mahu mengembangkan perniagaan dengan cara menambah nilai kepada produk keluaran mereka menerusi peningkatan teknologi yang diguna pakai supaya dapat mengekalkan daya saing di pasaran terbuka hari ini.

Hasrat mereka berbuat demikian kadangkala terjejas berikutan hambatan dalam mendapatkan bantuan kewangan serta tidak mengetahui cara untuk mendapatkan khidmat nasihat pakar teknologi dalam bidang-bidang tertentu.

Sebagai usaha untuk membantu usahawan Bumiputera meningkatkan kapasiti dan kemampuan sedia ada kepada taraf kecil sederhana (PKS) dan besar mengikut kelas masing-masing, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menyediakan Program

Pembangunan Teknousahawan yang dilaksanakan melalui kerjasama Rakan Pintar Teknologi bersama agensi-agensis penyedia teknologi yang mempunyai kepakaran berasaskan penyelidikan dan teknologi strategik.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan kedudukan teknousahawan sebagai peneraju atau pemain industri yang mampu menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Domestik Kasar (GDP) Negara oleh PKS Bumiputera.

Beberapa dasar dan polisi kerajaan yang dijadikan asas dalam pelaksanaan program ini termasuk Pelan Induk Perindustrian Negara (PIP), Dasar Sains dan Teknologi Kebangsaan II, Model Baru Ekonomi (MBE), Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) dan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Pemilihan Rakan Pintar Teknologi dalam program ini adalah berasaskan kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang-bidang tertentu dan bermatlamat untuk menghasilkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang

berteraskan teknologi gunaan; penyelidikan dan pembangunan serta prototaip yang boleh dikomersialkan; mempunyai nilai pasaran yang tinggi; mewujudkan peluang pekerjaan berkemampuan; menjadikan perniagaan yang mampu diwarisi generasi seterusnya dan sentiasa relevan serta mampu mengadaptasi bidang bakal muncul.

Sehubungan itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Usahawan MARA, Fuziah Ahmad berkata, pihaknya mahu

golongan usahawan Bumiputera mempunyai kesedaran yang tinggi serta memahami tentang keberkesanan dan impak program itu dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera kelas menengah.

“Walaupun bajet yang terhad, MARA akan berusaha meneroka bidang-bidang baru yang mempunyai potensi selaras dengan Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA),”katanya baru-baru ini.

Dalam pada itu beliau menambah, walaupun program ini diwujudkan untuk membantu golongan usahawan Bumiputera, namun masih ramai yang tidak mengetahui agensi kerajaan yang sesuai untuk membantu mereka membangunkan produk dan mendapatkan pakar perundingan teknikal.

Fuziah mengharapkan dengan kemunculan hebahan ini akan dapat memberi maklumat yang lebih jelas kepada usahawan yang terlibat seterusnya merebut peluang yang disediakan.

Program pembangunan teknousahawan diklasifikasikan kepada dua konsep iaitu Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK) dan Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS).

Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK) dilaksanakan melalui usaha sama di antara MARA dengan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Management And Science University (MSU). Mereka membekalkan input kepada peserta melalui pendekatan akademik, penyediaan

prasarana pembelajaran, pendedahan amali melalui konsep “teaching factory” dan penglibatan industri melalui konsep “mentoring”. Tempoh pengajian bagi peserta di universiti-universiti ini adalah selama dua tahun atau empat semester dan peserta yang lulus serta memenuhi syarat akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Teknousahawan.

Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS) pula dilaksanakan melalui usaha sama di antara MARA dengan agensi dan badan kerajaan, penyedia teknologi atau sektor swasta yang mempunyai kepakaran berasaskan teknologi dan penyelidikan yang strategik seperti Sirim Berhad (SIRIM) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Healing Chambers of Asia Sdn. Bhd.(HCOA), Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Usaha sama ini memberi penekanan kepada pewujudan dan pembangunan teknousahawan melalui bimbingan teknologi berbentuk praktikal dan teori, perundingan teknikal, reka bentuk dan pembangunan produk, kemudahan dan sokongan penyelidikan, ruang inkubator teknologi, sangkutan (attachment), rundingcara perniagaan, promosi dan pemasaran serta latihan keusahawanan.

Bidang keutamaan program ini ialah 1) bioteknologi yang terbahagi kepada pemakanan, perubatan alternatif dan konservasi alam sekitar 2) agro-teknologi 3) pengeluaran berteknologi tinggi yang terbahagi kepada fabrikasi logam; kejuruteraan marin, pembuatan produk berasaskan kulit dan ukiran kayu 4) komunikasi, kandungan dan infrastruktur (CCI) yang dibahagikan kepada multimedia, animasi dan kandungan kreatif 5) teknologi hijau 6) teknologi nano dan fotonik (light emission) dan lain-lain bidang strategik baru dan bakal muncul.

Pelaksanaan Program Teknousahawan bermula daripada peringkat pembedayaan melalui seminar-seminar kesedaran kepada kumpulan sasar iaitu pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan

Headline	Aplikasi teknologi bangun produk usahawan	Language	Malay
Date	10 Jul 2011	Page No	13
MediaTitle	Mingguan Malaysia	Article Size	585 cm²
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	13,105
Frequency	Daily	PRValue	39,315
Circ / Read	459,793 / 1,854,000		

MARA (IPMa) dan usahawan sedia ada yang berminat dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi untuk meningkatkan taraf pemiagaan mereka.

Bagi Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK), fasa pembangunan usahawan bermula dari "Idea Generation" dan "Proof of Idea" (POI) melalui pendekatan pembangunan kompetensi, generik, keusahawanan dan akademik. Manakala Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS) akan bermula dari "Proof of Concept" (POC) dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sehingga peningkatan dan penambahbaikan produk/perkhidmatan sedia ada.

Program ini telah dijalankan sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8)

dan sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah berjaya menghasilkan impak yang tinggi melalui 83% daripada peserta program menjalankan perniagaan di samping telah meningkatkan jumlah pendapatan usahawan sedia ada melalui pengenalan teknologi tinggi mencecah sehingga RM30 juta setahun.

Ekosistem program ini terus berkembang dengan pewujudan program baru yang mendokong MBE dan NKEA yang diperkenalkan kerajaan di bawah teras 1Malaysia.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

**Pengarah
Pembangunan Usahawan MARA
Tingkat 23, Ibu Pejabat MARA**

**21, Jalan Raja Laut
50609 Kuala Lumpur
Tel : 03-2694 8078
Faks : 03-2698 9520**



FUZIAH AHMAD



TEKNOLOGI marin dan perkapalan antara bidang yang bakal diterokai Program Teknousahawan MARA.